

23/12/1997

Kemelut ekonomi tidak jejas projek berasaskan IT

Ahmad Ghazali Musa; Salina Abdullah

TIDAK keterlaluan jika dikatakan tahun 1997 adalah tahun alam sekitar. Bukan kerana usaha atau kempen kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan berbeza, luar biasa atau lebih baik daripada tahun sebelumnya tetapi kerana terlalu banyak isu alam sekitar yang berlaku sepanjang tahun ini.

Episod jerebu adalah antara isu alam sekitar yang paling bersejarah tahun ini. Hampir separuh daripada sejumlah 365 hari tahun ini dihabiskan dengan cerita jerebu.

Menampakkannya di sekitar Jun, jerebu bertambah buruk tiga bulan selepas itu sehinggakan kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat di Sarawak apabila indeks pencemaran udara (API) mencecah paras bahaya iaitu melebihi 800 API.

Dilanda masalah jerebu berbulan-bulan lamanya, rakyat berhadapan dengan pelbagai masalah pencemaran lain. Bekalan air terputus yang berlaku kira-kira pada bulan September menyaksikan penduduk di daerah Gombak, Petaling, Hulu Langat dan sebahagian Kuala Lumpur menerima air yang kotor dan berbau.

Bagaimanapun, kemuncak kepada topik alam sekitar tahun ini adalah isu 'tutup mulut' ahli akademik dan saintis dalam bidang berkenaan. Keikhlasan dan rasa tanggungjawab ahli akademik memberitahu masyarakat bahaya jerebu juga bahawa pencemaran alam sekitar yang lain disalahertikan sebagai cuba memberi gambaran negatif negara kepada dunia luar.

Kita tidak tahu apa sebenarnya agenda kerajaan mengeluarkan arahan sedemikian. Namun, yang pasti, kita dapat lihat kecenderungan kerajaan. Ekonomi dan kemakmuran negara diletakkan pada tangga teratas mengatasi kepentingan rakyat lalu mereka tidak takut untuk mempertaruhkan kesihatan dan nyawa rakyat.

Kenyataan bahawa jerebu yang melanda negara boleh meninggalkan kesan buruk kepada kesihatan bukanlah sesuatu yang direka-reka saintis tempatan. Kajian penyelidikan luar negara juga menyuarakan pendapat yang sama, walaupun kajian mereka tidak mengkhusus kepada jerebu tetapi pencemaran udara, yang mana komponen pencemar tidak jauh bezanya dengan pencemar jerebu.

Malangnya, fenomena anak tempatan dianaktirikan seperti sudah menjadi satu kemestian di negara ini. Apabila saintis tempatan menyatakan sesuatu yang benar (tetapi sedikit pahit), kerajaan akan melenting dan menidakkan kenyataan itu malah mendakwa kenyataan dibuat tanpa bukti sahih. Keadaan sebaliknya berlaku apabila saintis asing yang bersuara.

Sewajarnya kita bersikap lebih terbuka dalam hal ini. Rakyat mempunyai hak untuk mendapat segala maklumat dan pengetahuan yang diperlukan untuk kesejahteraan mereka.

Walaupun pada mata kasar, kesahihan yang diterima menakutkan atau boleh menimbulkan suasana panik, ia sebenarnya tidak berlaku sama sekali.

Kebijaksanaan ahli akademik dengan kerjasama kerajaan menyalurkan maklumat akan menyebabkan rakyat dapat menerima kenyataan dan bertindak cerdik bagi mengelak kesan negatif pencemaran atau setidaknya-tidaknya dapat meningkatkan kesedaran rakyat mengenai pentingnya menjaga alam sekitar bagi memastikan pencemaran tidak berulang.

Namun, kebenaran sentiasa memperolehi kemenangan. Larangan yang berkuatkuasa 17 Oktober lalu akhirnya dimansuhkan.

Saintis tempatan dibenarkan menyuarakan pendapat atau mengetengahkan hasil kajian dengan syarat ia melalui penyelidikan yang lebih senior.

Tidak habis dengan isu jerebu dan pelbagai masalah alam sekitar, negara digegarkan pula dengan kegawatan ekonomi menyaksikan serangan terhadap pasaran saham dan nilai mata wang. Kemelut ekonomi itu membawa kepada penangguhan banyak projek raksaksa.

Namun keadaan itu tidak menjejaskan pelaksanaan beberapa projek berasas teknologi maklumat (IT) dalam lingkungan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) seperti bandar raya industri multimedia, Cyberjaya dan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

Kelangsungan projek IT itu bersandarkan keyakinan bahawa ia bakal menyinari kegelapan ekonomi dengan pelbagai perubahan dalam kehidupan ketika negara memasuki alaf baru.

Pastinya, IT yang bakal menjadi sebahagian daripada budaya hidup rakyat negara ini, mampu meloloskan negara daripada cengkaman dan keganasan ekonomi dunia menerusi cara berniaga yang lebih telus dan berdaya saing.

Sebab itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan komitmen kerajaan meneruskan MSC walaupun negara mengalami masalah ekonomi dan ia perlu disokong kerana kepentingan strategik projek berkenaan kepada negara.

Dr Mahathir yang bertungkus lumus mempromosi MSC ke seluruh dunia berjaya menarik minat ramai syarikat multinasional dunia dari Amerika, Kanada dan Jepun untuk bersama-sama menjayakan gagasan MSC.

Usaha beliau itu mendapat sokongan padu syarikat IT multinasional yang berazam membantu Malaysia menjayakan MSC.

Pelantikan 30 anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, merangkumi pengerusi atau ketua pegawai eksekutif syarikat multinasional IT dunia turut dapat membantu memberi input terhadap arah tuju MSC menempuh alaf baru.

Anggota IAP yang dijangka bersidang di Kuala Lumpur, Februari tahun depan menyaksikan penyertaan tokoh ternama industri perkakasan dan perisian seperti Bill Gates (Microsoft) Jim Barksdale, pengasas dan ketua eksekutif Netscape Corp, Larry Ellison (Oracle), Stan Shih (Acer), Nobuyuki Idei (Sony), Louis Gertsner (IBM), Ekhard Pfiesser (Compaq), Philip Odeen (Philips) dan Scott McNaly (Sun Microsystems).

Syarikat multimedia sama ada tempatan mahupun luar negara terus berminat mendapatkan status MSC dan sehingga kini 88 syarikat sudah memperolehi status berkenaan, manakala 173 permohonan mendapatkan status sedang diproses.

Sejumlah 10 syarikat yang sudah mendapat status MSC dijangka memulakan operasi di Cyberjaya mulai awal tahun depan.

Pelancaran 15 Permohonan Cadangan Untuk Konsep (CRFP) bagi tujuh aplikasi perdana MSC membuktikan kerajaan serius membentuk industri multimedia tempatan, sekali gus merangsang pertumbuhan syarikat IT tempatan dengan kerjasama multinasional.

Bagi menggalakkan lebih ramai memanfaatkan IT, kerajaan memperkenalkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita) sebagai pelan induk utama membentuk masyarakat mulia, pembangunan infrastruktur maklumat dan pembangunan aplikasi.

Penubuhan Nita membolehkan rakyat mengguna dan menguasai IT serta menggalakkan mereka mencipta penggunaan teknologi komputer yang inovatif bagi meningkatkan penggunaan kandungan tempatan.

Belanjawan 98 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut membantu menggalakkan penggunaan komputer dengan menekankan pemberian rebat RM400 dalam taksiran cukai pendapatan kepada orang ramai yang membeli komputer peribadi.

Kerajaan juga melancarkan kempen penerangan untuk membudayakan IT di kalangan masyarakat melalui media cetak dan elektronik.

Di arena antarabangsa, nama Malaysia semakin harum kerana terbabit secara aktif menganjurkan persidangan IT bertujuan menyumbangkan buah

fikiran kepada masyarakat global mengenai kelebihan multimedia membantu memudahkan kehidupan mereka.

Antaranya ialah Persidangan Antarabangsa Masyarakat Internet Dunia (Inet 97), negara kedua di Asia selepas Jepun, Persidangan dan Pameran Pembangun Perisian Asia (SDA 97) serta Pameran Multimedia Asia 97 mendapat perhatian ramai apabila kebanyakan teknologi yang akan digunakan di MSC dipertontonkan.

Bagi membuktikan kesungguhan kerajaan melaksanakan dan menjayakan MSC, Dewan Rakyat meluluskan rang undang-undang siber, termasuk Akta Tandatanganan Digital, Teleperubatan, Hak Cipta (pindaan) dan Jenayah Komputer manakala Akta Penyatuan Multimedia akan dibentangkan awal tahun depan.

Selain itu, Jabatan Tanda Tangan Digital turut ditubuhkan di bawah seliaan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Pelancaran dua satelit dan satu lagi dalam perancangan menandakan era baru dalam dunia telekomunikasi dan penyiaran negara. Dua Satelit Asia Timur Malaysia (Measat) milik Binariang Satellite Systems Sdn Bhd sudah berada di orbit untuk menawarkan perkhidmatan.

Peristiwa yang tidak kurang penting bagi tahun ini ialah pelancaran geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) RM100 juta oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Geran R&D yang dikelolakan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) itu bertujuan membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mengeluarkan produk IT bermutu tinggi.

Penubuhan pusat teknologi MSC kelolaan MDC bagi mengawal selia proses pemindahan teknologi antara syarikat multinasional dan tempatan serta menentukan teknologi yang diterima tidak usang.

Malaysia melalui inisiatif MSC akan memperkenalkan perkhidmatan pembelian dan pembayaran barangan dalam Internet melalui projek Perniagaan Pemasaran Elektronik Tanpa Sempadan (BMEC) serta sekolah bestari pertama di negara ini di Ulu Pudu, Cheras yang menelan belanja lebih RM100 juta.

Jelas sekali, dalam kegawatan ekonomi, projek membabitkan industri IT dan orang ramai tetap diteruskan kerajaan dan swasta.

Tiada alasan untuk orang ramai memperolehi dan memanfaatkan IT. Kemelut ekonomi adalah cabaran untuk menggandakan usaha dan mengukuhkan iltizam untuk terus berdikari dan melepaskan diri daripada cengkaman masalah ekonomi.

(END)